

Pendekatan politik perkauman rugikan negara rakyat

Tawau: Pendekatan politik berasaskan sentimen perkauman serta pertelagahan di antara kaum dan etnik tidak akan membawa sebarang manfaat kepada rakyat dan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata beliau komited untuk terus mengangkat integriti, tadbir urus baik dan kepentingan rakyat sebagai keutamaan.

Anwar berkata, beliau tidak memilih gaya politik yang menimbulkan permusuhan di antara kelompok tertentu, sebaliknya menekankan keperluan membina perpaduan demi masa depan negara.

“Saya tidak kempen seperti orang lain yang Bugis marah Melayu. Yang Melayu marah Cina. Yang Sabah marah Semenanjung. Saya tak mahu itu semua,” kata beliau berucap pada Fiesta Demi Merotai Harapan Urang Sabah di sini, malam kelmarin.

Anwar berkata, mana-mana individu yang bercita-cita menjadi wakil rakyat atau memimpin negeri dan negara perlu memastikan amanah rakyat dipelihara sepenuhnya kerana mereka akan sentiasa dinilai.

“Siapa mahu jadi wakil rakyat siapa mahu perintah Sabah, siapa mahu perintah Malaysia mesti jaga amanah. Angkat martabat rakyat,” kata Anwar.

Beliau turut mengkritik sege-lintir pihak yang dilihat sanggup menabur janji semata-mata untuk merebut kuasa.

Anwar turut menolak tanggapan bahawa Sabah tidak mempunyai kekayaan untuk dibangunkan, sebaliknya menegaskan negeri itu mempunyai potensi besar sekiranya diurus dengan cekap dan telus.

Anwar menyatakan keyakinan calon Pakatan Harapan mampu meraih kemenangan pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah Ke-17 Sabtu ini.